



ثجابه ستيأوسها كراجان نكري كلنتن

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BLOK 2, ARAS 1, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM
15503 KOTA BHARU
KELANTAN

Tel : 09-748 1957
Pengarah : 09-748 5826
Faks : 09-747 0890 /
747 4152 / 748 2652
E-mail : bpsm@kelantan.gov.my

Ruj. Kami: SUK.D.200(06)(S)747/15()

Bertarik : 13 Rabiul Akhir 1447H

05 Oktober 2025

Kemajlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua, Bahagian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Dato'/ YM Tengku/ Tuan,

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 5 TAHUN 2025

ELAUN PAKAIAN SERAGAM KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 15/2025 yang bersidang pada 16 Julai 2025 membuat keputusan bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 5 Tahun 2025 Elaun Pakaian Seragam Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

3. Pekeliling Perkhidmatan ini **berkuat kuasa 1 Oktober 2025**.

4. Sehubungan itu, bersama-sama ini dikemukakan Pekeliling Perkhidmatan berkenaan untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Dato'/ YM Tengku/ Tuan / Puan selanjutnya. Pekeliling Perkhidmatan ini boleh dimuat turun melalui laman web: www.kelantan.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT"

"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI MOND HARIFF BIN GHAZALI)

Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

b.p. **SETIAUSAHA KERAJAAN**

NEGERI KELANTAN

s.k.: - YBhg. Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

" MEMBANGUN BERSAMA ISLAM "



SUK.D200(06)405/5/(S)Jld.2(5)



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 5 TAHUN 2025

**ELAUN BEKALAN PAKAIAN SERAGAM KEPADA PEGAWAI
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN**

1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri Kelantan mengenai kaedah pemberian Bayaran Elaun Bekalan Pakaian Seragam Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan Negeri Kelantan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 15 Tahun 2025 bertarikh 16 Julai 2025 membuat keputusan bersetuju meluluskan bekalan pakaian seragam kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang berkelayakan melalui kaedah tambahan iaitu bayaran elaun pakaian seragam yang akan dimasukkan terus ke dalam akaun pegawai berkenaan.

2.2 Dari segi pembekalan pakaian seragam, telah terdapat tiga (3) kaedah sedia ada sebagaimana diperuntukkan di bawah WP 2.3 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia iaitu:

2.2.1 Jabatan menguruskan pembekalan pakaian seragam yang siap dijahit dari kain berkualiti mengikut prosedur perolehan yang berkuat kuasa; atau

2.2.2 Jabatan menguruskan pembekalan kain berkualiti dan perolehan perkhidmatan jahitan secara berasingan yang diuruskan oleh jabatan mengikut prosedur perolehan yang berkuat kuasa; atau

2.2.3 Jabatan mendapatkan kain berkualiti mengikut prosedur perolehan yang berkuat kuasa dan mengagihkan kepada pegawai supaya pegawai menguruskan sendiri jahitan pakaian berkenaan dan akan diberi Bantuan Upah Jahit mengikut kadar yang telah ditetapkan.

- 2.3. Dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan, keseragaman dan ketelusan dalam pengurusan bekalan pakaian seragam dan kasut, satu kaedah baru diperkenalkan dan dilaksanakan dengan bayaran terus berbentuk elaun kepada pegawai yang layak.

3. PELAKSANAAN KAEDAH BAYARAN KE (4) IAITU BAYARAN TERUS BERBENTUK ELAUN KEPADA PEGAWAI YANG LAYAK

Pelaksanaan bayaran elaun ini adalah merupakan penambahan kaedah keempat (4) bagi pembekalan pakaian seragam di mana jabatan mengkreditkan terus bayaran tersebut kepada penerima dan tertakluk kepada syarat- syarat yang ditetapkan.

3.1. SYARAT KELAYAKAN

- 3.1.1 Pegawai yang layak untuk menerima bayaran elaun pakaian seragam adalah sebagaimana berikut:

- a) Pembantu Khidmat Am
- b) Pembantu Kemahiran
- c) Pengawal Keselamatan
- d) Pengawas Hutan
- e) Pembantu Penguatkuasa

- 3.1.2 Pegawai yang layak tersebut adalah yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Melantik secara;

- a) Tetap;
- b) Sementara;
- c) Jawatan Berasaskan Caruman (JBC)/ Jawatan Negeri Berasaskan Caruman (JNBC) dan;
- d) Kontrak (*Contract for Service*).

3.1.3 Pakaian Seragam adalah meliputi pakaian, kasut dan kelengkapan lain yang dibekalkan kepada pegawai yang layak seperti yang ditetapkan dalam peraturan perkhidmatan berkaitan serta pindaannya.

3.2 KADAR KELAYAKAN

Kadar Elaun Pakaian Seragam mengikut kelayakan jawatan berkenaan adalah sebagaimana berikut:

BIL	PEGAWAI YANG LAYAK	KADAR ELAUN (RM)
1.	Pembantu Khidmat Am	500.00
2.	Pembantu Kemahiran	500.00
3.	Pengawal Keselamatan	600.00
4.	Pengawas Hutan	600.00
5.	Pembantu Penguatkuasa	600.00

3.3 KAEDAH BAYARAN

3.3.1. Bayaran elaun pakaian seragam akan dimasukkan terus ke dalam akaun pegawai berkenaan.

3.3.2. Pengkreditan akan dilakukan pada awal tahun kewangan untuk memastikan pakaian berkenaan dapat disiapkan sebelum akhir Bulan April bagi setiap tahun.

3.3.3 Elaun Bekalan Pakaian Seragam dibayar dengan menggunakan peruntukan Kod 29000 – Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti di jabatan masing-masing.

3.4 PELAKSANAAN PENGAUDITAN

Bagi memastikan pelaksanaan bekalan pakaian seragam dilaksanakan secara teratur dan mematuhi peraturan pihak Jabatan masing-masing hendaklah melaksanakan pengauditan mengenai beberapa perkara seperti berikut:

3.4.1. Kelayakan Penerima

- a) Semakan Senarai penerima yang berkelayakan mengikut peraturan yang ditetapkan.
- b) Semakan untuk memastikan tiada pegawai yang tidak layak tetapi masih menerima bayaran.

3.4.2. Jumlah dan Ketepatan Bayaran

Semakan kadar elaun yang dibayar adalah mengikut kadar yang telah ditetapkan dan tiada lebihan bayaran atau bayaran berganda.

3.4.3. Kepatuhan Kepada Dasar dan Garis Panduan

Semakan semua proses pembayaran mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3.4.4. Penyemakan Resit Pembelian Pakaian Seragam

- a) Pegawai adalah diwajibkan mengemukakan resit atau bukti pembelian pakaian seragam dalam tempoh 3 bulan selepas menerima elaun.
- b) Tindakan tatatertib akan diambil bagi pegawai yang gagal mengemukakan resit bukti pembelian dalam tempoh 3 bulan selepas daripada pembayaran elaun dibuat.

3.4.5. Pemeriksaan Fizikal Pakaian Seragam

- a) Mengadakan pemeriksaan untuk memastikan pegawai memakai pakaian seragam yang ditetapkan.
- b) Pegawai yang masih memakai pakaian seragam lama hendaklah diminta memberikan bukti pembelian baru.

3.4.6. Penetapan Reka Bentuk dan Spesifikasi Pakaian Seragam

Penetapan reka bentuk dan spesifikasi pakaian seragam adalah mengikut skim perkhidmatan masing-masing yang akan ditentukan oleh jabatan.

4. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan bertanggungjawab:

- 4.1 Mengenal pasti dan menyemak pegawai yang layak untuk diberi Bayaran Elaun Bekalan Pakaian Seragam.
- 4.2 Memastikan peruntukan tahunan jabatan adalah mencukupi bagi bayaran elaun kepada pegawai dan tidak memberi implikasi tambahan kepada bajet jabatan tahun semasa.
- 4.3 Memastikan elaun tersebut dibayar dalam tempoh yang munasabah supaya pakaian seragam dapat disiapkan sebelum akhir bulan April setiap tahun.
- 4.4 Menetapkan reka bentuk dan spesifikasi pakaian seragam kepada semua pegawai yang layak mengikut skim perkhidmatan masing-masing.

- 4.5 Memastikan pematuhan pemakaian pakaian seragam sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 12 Tahun 2023 Etika Berpakaian Dan Penampilan Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan dan akta/peraturan perkhidmatan berkaitan serta pindaannya.
- 4.6 Melaksanakan tugas pengauditan secara berkala di peringkat jabatan kepada pegawai-pegawai yang layak.
- 4.7 Memastikan tindakan tatatertib diambil sekiranya pegawai tidak mematuhi arahan sebagaimana yang ditetapkan.

5. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

Tanggungjawab bagi setiap pegawai yang berkecualan adalah untuk:

- 5.1 Membeli pakaian seragam mengikut spesifikasi dan warna yang telah ditetapkan oleh jabatan;
- 5.2 Memakai pakaian seragam yang telah dibeli semasa menjalankan tugas.

6. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini berkuat kuasa mulai **1 Oktober 2025**.

7. PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai kepada Semua Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Badan Berkanun Negeri untuk diterima pakai.

Sekian, terima kasih.

“ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI”



DATO' HAJI AB.PATTAH BIN HASBULLAH, D.P.S.K (Kelantan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Bertarikh : 29 Rabiul Awal 1447H

22 September 2025

SENARAI EDARAN:

- Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- Semua Ketua Jabatan Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
- Semua Badan Berkanun Negeri
- Semua Ketua Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan